



جائتین اکام اسلام فیراق  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil. (18) JAIPK/BPM/11/1 Jld 2  
Tarikh : 29 Ramadan 1442  
11 Mei 2021

YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan,

**PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 DI MASJID DAN SURAU NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Dengan segala hormat dan takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan terhadap aktiviti keagamaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang akan diadakan di masjid dan surau di negeri Perak Darul Ridzuan.

3. Setelah mendapat nasihat dari pihak Majlis Keselamatan Negara Negeri Perak, Jabatan ini menetapkan:-

3.1 **Solat Fardu, Solat Jumaat, Solat Jenazah dan Solat Sunat Aidilfitri** dibenarkan di masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara iaitu :-

3.1.1 Tidak melebihi 50 orang jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan lebih 1,000 jemaah;

3.1.2 20 orang jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan kurang daripada 1,000 jemaah;

3.1.3 Kehadiran menunaikan solat hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia, lelaki dan berusia 12 tahun ke atas sahaja;

3.1.4 Solat Sunat Aidilfitri dibenarkan diadakan di kawasan lapang dan terbuka tidak melebihi 50 orang dengan mematuhi jarak fizikal.

**“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**

- 3.2 **Takbir raya** di masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang dibenarkan namun takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan.
- 3.3 **Jamuan hari raya tidak dibenarkan diadakan** di semua masjid, dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang.
- 3.4 **Ziarah kubur** tidak dibenarkan.
- 3.5 **Kuliah ilmu dan tazkirah dibenarkan**
- i. Kuliah selepas solat maghrib: Dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti tersebut hendaklah dihentikan sebaik masuk waktu solat isyak.
  - ii. Tazkirah sebelum solat jumaat: tidak melebihi 30 minit, kepada jemaah yang berada dalam masjid dan surau sementara menanti azan solat Jumaat.


4. Sehubungan dengan itu adalah dipohon pihak YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan agar dapat mematuhi pekeliling ini bagi mengurangkan risiko penularan wabak penyakit, menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi memastikan kesihatan awam tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)**

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak.



[myusop@perak.gov.my](mailto:myusop@perak.gov.my)



05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak  
Orang Besar Jajahan Daerah  
Pegawai Tadbir Agama Daerah  
Fail Timbul



## JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

AKTIVITI KEAGAMAAN	PANDUAN
Solat Fardu, Solat Jumaat, Solat Jenazah Dan Solat Sunat Aidilfitri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak melebihi 50 orang jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-sarau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan lebih 1,000 jemaah</li> <li>• 20 orang jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-sarau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan kurang daripada 1,000 jemaah</li> <li>• Kehadiran menunaikan solat hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia, lelaki dan berusia 12 tahun ke atas sahaja.</li> <li>• Solat Sunat Aidilfitri dibenarkan diadakan di kawasan lapang dan terbuka tidak melebihi 50 orang dengan mematuhi jarak fizikal.</li> </ul>
Takbir Raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid dan surau termasuk surau-sarau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang: <b>DIBENARKAN</b></li> <li>• Dari Rumah ke Rumah: <b>TIDAK DIBENARKAN</b></li> </ul>
Jamuan Hari Raya	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
Ziarah Kubur	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
Kuliah Ilmu dan Tazkirah	<p><b>DIBENARKAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuliah selepas solat maghrib: Dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti tersebut hendaklah dihentikan sebaik masuk waktu solat isyak.</li> <li>• Tazkirah sebelum solat jumaat: tidak melebihi 30 minit, kepada jemaah yang berada dalam masjid dan surau sementara menanti azan solat Jumaat.</li> </ul>

## KETETAPAN DAN ARAHAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Pihak pengurusan masjid dan surau hendaklah memastikan perkara ini dipatuhi dan diamalkan sepanjang masa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemakaian pelitup muka dengan betul</li><li>• Pendaftaran kehadiran melalui MySejahtera atau buku pendaftaran</li><li>• Mengambil bacaan suhu badan</li><li>• Mengamalkan jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara jemaah</li><li>• Membawa sejadah bersaiz besar</li><li>• Tidak membawa kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah</li><li>• Mengambil wuduk dari rumah</li><li>• Memastikan jumlah kehadiran jemaah mengikut ketetapan</li></ul>
--	---

*\* Mana-mana masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang melanggar dan tidak mematuhi arahan ini, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta.*



BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID, JABATAN AGAMA ISLAM PERAK